



JABATAN PELAJARAN NEGERI SELANGOR
PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA SEKOLAH MENENGAH



PROGRAM PENINGKATAN PRESTASI AKADEMIK (2)

3755/2

SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2010

PERDAGANGAN

Kertas 2

Sept./Okt.

2 jam

Dua jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab tiga soalan daripada Bahagian A dan satu soalan wajib di Bahagian B.*
3. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam kertas jawapan yang disediakan.*
4. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 80 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian A dan 40 minit untuk menjawab soalan dalam Bahagian B.*
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
8. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 8 halaman bercetak

Bahagian A

[75 markah]

Jawab tiga soalan sahaja.

- 1 (a) Nyatakan perbezaan antara keperluan dengan kehendak. [6 markah]
- (b) Pernyataan I, II dan III menunjukkan jenis-jenis nilai faedah.

PERNYATAAN
I Kayu balak di hutan dibawa ke kilang untuk diproses II Kelapa sawit diproses untuk dijadikan minyak III Beras disimpan di dalam gudang sehingga diperlukan

Terangkan jenis nilai faedah dalam pernyataan I, II dan III. [6 markah]

- (c) (i) Apakah yang dimaksudkan dengan pengkhususan? [2 markah]
- (ii) Mengapakah wujudnya pengkhususan dalam pengeluaran? [4 markah]
- (iii) Mengapakah industri moden pada masa kini mengamalkan pengkhususan dalam pengeluaran? [7 markah]

- 2 (a) Rajah berikut menunjukkan sejenis bentuk lain peruncitan.



- (i) Apakah nama jenis peruncitan tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan kelebihan perniagaan runcit tersebut. [5 markah]

- (b) Rajah berikut ialah sejenis dokumen yang digunakan semasa urus niaga secara kredit bagi perniagaan dalam negeri.

Pustaka Intan Sdn. Bhd.
38, Jalan Bunga Raya,
43000 Kajang
Selangor

Kepada;
Kedai Buku Gemilang
13, Jalan Seroja,
43900 Sepang,
Selangor.

Tarikh : 6 Ogos 2010
No. Invois : 2090

Akaun anda telah didebitkan dengan perkara berikut :


Keterangan	Jumlah (RM)
Bayaran terkurang atas 5 buah buku kerja Perdagangan Skor A yang tidak diinvoiskan	75.00
Tolak : Diskaun niaga 20%	15.00
Jumlah bersih	60.00

Ringgit Malaysia Enam Puluh Sahaja
K & K di K

Yang benar,
Saadiah
(Saadiah)
Pengurus

- (i) Namakan dokumen tersebut. [1 markah]
- (ii) Mengapakah dokumen tersebut dihantar oleh Pustaka Intan Sdn. Bhd. kepada Kedai Buku Gemilang? [2 markah]
- (iii) Berikan **tiga** sebab lain dokumen tersebut dihantar. [3 markah]

- (c) Rajah berikut menunjukkan jenis-jenis pemborong saudagar.



Huraikan:

- (i) Pemborong X [3 markah]
- (ii) Pemborong Y [3 markah]
- (iii) Pemborong Z [3 markah]

- (d) Jelaskan maklumat yang diperlukan dalam tatawujud syarikat. [4 markah]

3 (a) Jelaskan aspek pengendalian perniagaan berikut:


(i) Pengurusan stok

[4 markah]

(ii) Pengurusan sumber manusia

[4 markah]

(b) Rajah di bawah menunjukkan perbualan dua orang rakan kongsi.



Terangkan empat kelebihan jika mereka berbuat demikian.

[8 markah]

(c) Maklumat berikut berkaitan dengan pelaburan Encik Yaacob.

Encik Yaacob memiliki 3000 unit 8% syer keutamaan bernilai RM2 seunit dan 5000 unit syer biasa bernilai RM1 seunit dalam Syarikat ABS Berhad. Bagi tahun berakhir 31 Disember 2009, syarikat itu telah mengisytiharkan pembayaran dividen 10% terhadap syer biasa.


Hitungkan jumlah pendapatan Encik Yaacob daripada pelaburannya dalam Syarikat ABS Berhad.

[5 markah]

(d) Jelaskan peranan insurans kepada peniaga.

[4 markah]

- 4 (a) Gambar berikut menunjukkan sejenis pengangkutan.



- (i) Apakah jenis pengangkutan tersebut? [1 markah]
(ii) Mengapakah jenis pengangkutan tersebut dipilih? [4 markah]
- (b) Terangkan **empat** peranan komunikasi. [8 markah]
- (c) Bagaimanakah perkhidmatan komunikasi berikut dapat membantu perniagaan?
(i) Telefaks [3 markah]
(ii) Sidang video [3 markah]
- (d) Terangkan **tiga** ciri gudang yang baik. [6 markah]

- 5 (a) Gambar berikut menunjukkan sejenis produk yang menepati strategi campuran pemasaran.



Dapatkan set
pinggan percuma
dengan setiap
pembelian

Terangkan **dua** unsur strategi campuran pemasaran tersebut.

[4 markah]

- (b) Gambar berikut menunjukkan sejenis aktiviti promosi.



- Tawaran Hebat Sempena Aidilfitri.
- Potongan Harga 10% -50%
- 20 Ogos – 20 September 2010

- (i) Apakah jenis promosi yang ditunjukkan dalam gambar tersebut? [1 markah]
- (ii) Jelaskan ciri promosi tersebut. [4 markah]
- (c) Jelaskan kelebihan media iklan berikut:
- (i) Majalah [3 markah]
- (ii) Internet [3 markah]
- (iii) Halaman kuning [3 markah]
- (d) Maklumat berikut berkaitan hak pengguna.

Puan Yati sentiasa mengingatkan rakannya supaya membeli barang yang tidak membahayakan kesihatan, mendapat maklumat yang jelas seperti harga dan tarikh luput serta memilih barang mengikut cita rasa mereka.

- (i) Apakah **tiga** hak pengguna tersebut? [3 markah]
- (ii) Jelaskan **empat** peranan Persatuan Pengguna dalam melindungi pengguna. [4 markah]

Bahagian B**[25 markah]***Soalan ini wajib dijawab.*

- 6 Haji Mohd Salleh adalah seorang pembekal beras yang beroperasi di Sungai Besar, Sabak Bernam, Selangor. Syarikatnya mendapatkan bekalan daripada petani di sekitar kawasan Tanjung Karang, Sekinchan dan Sungai Besar. Memandangkan bekalan tidak mencukupi, beliau turut mengimport beras dari Thailand dan Indonesia. Bagi menghantar beras ke pasaran tempatan, Haji Mohd Salleh menggunakan lori kontena. Beliau turut mengembangkan perniagaannya ke luar negara seperti ke Arab Saudi dan negara Timur Tengah yang lain. Penghantaran beras dibuat menggunakan kapal kontena. Penghantaran beras melalui negara ketiga pula dibuat menggunakan kaedah Pengangkutan Antarabangsa Routier (TIR) bagi mengurangkan masalah dokumentasi kastam.

Urusan perniagaan Haji Mohd Salleh memerlukan perkhidmatan bank bagi memudahkan penerimaan dan pembayaran wang daripada pelanggannya. Perkhidmatan yang beliau gunakan adalah seperti kemudahan simpanan, kemudahan pembayaran, cek dan perbankan elektronik. Beliau turut berusaha mendapatkan maklumat pasaran tempatan dan pasaran luar negara. Bagi pasaran luar negara, beliau meminta bantuan daripada Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE). Namun begitu, ada banyak rintangan dan halangan yang perlu dilaluinya dalam menguruskan aktiviti import dan eksport beras ke luar negara.

Berdasarkan petikan di atas, jawab soalan-soalan berikut:

- (a) (i) Apakah aktiviti perniagaan antarabangsa yang diceburi oleh Haji Mohd. Salleh? [1 markah]
- (ii) Terangkan tiga peranan perniagaan antarabangsa kepada Haji Mohd. Salleh sebagai pembekal beras. [6 markah]
- (b) Jelaskan Sistem Pengangkutan Antarabangsa Routier (TIR) yang digunakan oleh Haji Mohd. Salleh. [4 markah]
- (c) (i) Jelaskan akaun simpanan yang digunakan oleh beliau. [3 markah]
- (ii) Jelaskan perbankan elektronik. [3 markah]
- (d) (i) Terangkan peranan Perbadanan Pembangunan Perniagaan Antarabangsa Malaysia (MATRADE). [4 markah]
- (ii) Terangkan dua masalah yang dihadapi oleh Haji Mohd. Salleh dalam perniagaan antarabangsa. [4 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT